



MAJLIS SAMBUTAN HARI POS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN PADA 10 OKTOBER 2011 DI PUSAT KONVENSYEN SUNWAY

Hari Pos Sedunia

Sambutan Hari Pos Sedunia disambut pada setiap 9 Oktober sempena memperingati tarikh tertubuhnya Kesatuan Pos Sejagat atau Universal Postal Union (UPU) lebih 137 tahun yang lampau di Bern, Switzerland serta menghargai dan memperingati peranan sektor pos dan warga kerja pos kepada pembangunan sosial dan ekonomi dunia.

Mesej Ketua Pengarah UPU, logo dan poster sambutan Hari Pos Sedunia boleh di rujuk di laman web (<http://www.upu.int/en/the-upu/world-post-day/about-world-post-day.html>).

Sambutan Peringkat Kebangsaan di Sunway Pyramid

Pos Malaysia akan mengadakan sambutan Hari Pos Sedunia pada 10 Oktober 2011 di Pusat Konvensyen Sunway yang akan dihadiri oleh YB Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Sempena itu juga, majlis penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang memenangi Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia dan Pelancaran

Minggu Setem turut diadakan. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Pos Malaysia di www.pos.com.my .